

27/07/2000

Sidang rasmi pertama EAEC

Zulkofli Jamaludin in Bangkok

BANGKOK, Rabu - Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 10 tahun lalu, mengadakan pertemuan secara rasmi kali pertama, di sini hari ini.

Menteri Luar China, Tang Jiaxuan; Menteri Luar Korea Selatan, Lee Joung-bin dan Menteri Luar Jepun, Yohei Kono, menyertai 10 rakan sejawatan mereka dari Asean mengadakan perbincangan.

Mesyuarat bersejarah itu menggambarkan negara di Asia Timur menerima dan melaksanakan usaha mewujudkan EAEC itu.

Sebelum mesyuarat ini, dua mesyuarat peringkat menteri ekonomi dan kewangan Asean+3 diadakan di Myanmar dan Thailand, Mei lalu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia gembira dengan mesyuarat itu kerana hasrat Perdana Menteri untuk mengajak negara di Asia Timur bekerjasama dalam ekonomi dan politik menjadi kenyataan.

Malah, katanya, mesyuarat itu berlangsung dalam keadaan baik dan setiap negara mengemukakan cadangan dan pelaksanaan yang dilakukan sejak Sidang Puncak Tidak Rasmi di Manila, November lalu.

"Walaupun banyak formaliti dalam mesyuarat pertama Asean+3, setiap anggota ingin melihat ke depan," katanya sambil menambah walaupun tidak dikenali EAEC, Asean+3 bersetuju mengukuhkan kerjasama ekonomi dan serantau.

Beliau berkata, dalam mesyuarat itu anggota Asean+3 turut diberitahu mengenai hasil mesyuarat G8 di Okinawa, Jepun, termasuk membabitkan isu Semenanjung Korea.

"Penjelasan ini bukan retorik. Setiausaha Agung Asean pula menjelaskan mengenai hasil pertemuan pemimpin Asean+3 pada sidang puncak tidak rasmi Asean lalu," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat itu akan diadakan setiap tahun dan turut dibincangkan mengenai kaedah mesyuarat pada masa depan.

Katanya, Malaysia sendiri menawarkan diri menyediakan kertas cadangan mengenai kesihatan untuk dilaksanakan di Asia Timur.

"China menjelaskan mereka ingin terbabit kerjasama teknologi, saintifik dan pertanian, malah turut menawarkan diri menyediakan kertas cadangan.

"Semua anggota Asean+3 mahu kita mempunyai keputusan bersama dalam banyak bidang terutama pada persidangan antarabangsa seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)," katanya.

Syed Hamid berkata, Jepun pula dalam mesyuarat itu menjelaskan mengenai kerjasama dengan Malaysia untuk melatih pegawai ekonomi dari Myanmar.

Katanya, dalam kerjasama itu Jepun akan menyediakan peruntukan kewangan bagi melatih sumber manusia, manakala negara menyediakan tempat latihan seperti yang sedang berjalan sekarang.

Beliau berkata, Korea Selatan pula menjelaskan hubungan negara itu dengan Korea Utara dan menyifatkan pertemuan kedua-dua pemimpin negara terbabit adalah praktikal untuk mengembalikan keamanan di Semenanjung berkenaan.

"Hubungan Korea Selatan dengan (Korea Utara) dua bulan lalu yang sebelum persidangan tidak pernah bertentang mata berbeza, berbanding sekarang," katanya.

(END)